



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

## SIARAN MEDIA, 27 MAC 2023 (5 RAMADAN), MELAKA

### 1, 500 HADIR BERBUKA PUASA BERSAMA TPM

---

Hampir 1,500 orang yang terdiri daripada pusat tahfiz, asnaf dan masyarakat setempat telah diraikan dalam satu majlis iftar yang diadakan di **Masjid Ar-Rahman, Kg. Pulai, Serkam, Melaka** di sini, hari ini.

Majlis yang dihadiri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi **menjadi lokasi ketiga daripada 13 negeri Majlis Santunan Kasih Ramadan** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang telah bermula pada 24 Mac 2023 bersamaan 2 Ramadan 1444H dengan lokasi pertama di Masjid Batu 8, Gombak, Selangor.

Selain merapatkan jalinan ukhwah di antara pihak Kementerian dengan masyarakat, Zahid turut menyampaikan sumbangan kepada 8 pusat tahfiz berserta duit raya dan **5 geran daripada RISDA bernilai RM60,000.**

Bagi membantu menjana pendapatan penduduk setempat di musim perayaan ini, KKDW turut menyerahkan **bantuan kit peralatan Quick Win KEMAS bidang masakan pastri** kepada **Encik Ahmad Amirul Fuad bin Ajis bernilai RM4,000** dan seorang lagi peserta **Quick Win KEMAS bidang jahitan, Puan Noraini binti Md Lajis**, turut menerima bantuan **kit peralatan bernilai RM4,000.**

Majlis Santunan Kasih Ramadan KKDW berikutnya di Terengganu, Pahang, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan, Kedah/ Perlis, Negeri Sembilan, Sabah, Kelantan dan berakhir di Sarawak.

Disediakan Oleh  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah**

**27 MAC 2023**